

# Kuala Nerus daerah kelapan, hadiah buat penduduk

**KUALA NERUS** – Menteri Besar, Datuk Ahmad Razif Abd Rahman mengucapkan terima kasih kepada Perdana, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak di atas pengumuman rasmi Kuala Nerus sebagai daerah baharu.

Ahmad Razif turut menyifatkan berita gembira itu sebagai hadiah buat penduduk di daerah kelapan di negeri ini, di mana penantian untuk memiliki daerah sendiri telah dinanti sejak sekian lama.

“Alhamdulillah, kita bersyukur dengan pengumuman yang dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak hari ini (semalam), di mana ia bukan sahaja mengembirakan saya, sebaliknya perasaan ini turut dikongsi bersama 200,000 penduduk di Kuala Nerus yang lain.”

“Ia juga turut membuktikan bahawa pembangunan pesat yang sedang rancak berlangsung di Kuala Nerus ketika ini membuktikan bahawa daerah layak diberi pengiktirafan sebagai daerah baharu,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Pecah Tanah bagi Projek Pembinaan Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), Gong Badak, di sini, semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak ketika hadir menyempurnakan majlis perasmian itu semalam menyampaikan perkhbarannya berita baik buat penduduk Kuala Nerus apabila kawasan itu diumumkan sebagai daerah kelapan di

**“Alhamdulillah, kita bersyukur dengan pengumuman yang dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak hari ini (semalam), di mana ia bukan sahaja mengembirakan saya, sebaliknya perasaan ini turut dikongsi bersama 200,000 penduduk di Kuala Nerus yang lain.”**

- Ahmad Razif

negeri ini.

Ketika ini, Terengganu mempunyai tujuh daerah iaitu Besut, Kuala Terengganu, Setiu, Marang, Kemaman, Hulu Terengganu dan Dungun.

Menurut Ahmad Razif lagi, dengan terbentuknya daerah baharu ini juga secara tidak langsung turut membuka peluang ekonomi yang lebih baik kepada penduduk setempat dan ia seharusnya dimanfaatkan sebaik mungkin.

“Saya berharap agar peluang yang akan terbuka luas nanti digunakan sepenuhnya oleh penduduk Kuala Nerus, sekali gus turut berupaya meningkatkan ekonomi masing-masing.

“Selain itu juga, penduduk Kuala Nerus tidak perlu lagi bersesak untuk membuat urusan rasmi di pejabat



Mohd Najib menerima cenderamata daripada Mohd Razif pada Majlis Pecah Tanah bagi Projek Pembinaan Hospital Pengajar Unisza, Gong Badak, Kuala Nerus, semalam.

kerajaan, sebaik pusat pentadbiran Kuala Nerus siap sepenuhnya nanti,” katanya.

Sementara itu, seorang penduduk yang ditemui, Ramli Man dari Kampung Pulau Sekati mengakui teruja dan gembira dengan pengumuman yang dibuat oleh pemimpin nombor satu negara itu.

“Kita sangat berterima kasih atas keprihatinan perdana menteri yang mendengar kehendak dan keperluan penduduk di sini (Kuala Nerus) untuk mendapatkan daerah sendiri, sekali gus memberi banyak manfaat yang berguna kepada semua pihak,”

katanya.

Katanya lagi, dengan terlaksananya daerah baharu ini secara tidak langsung akan merancakkan lagi peluang ekonomi dan dalam masa yang sama turut membuka lebih ruang pekerjaan buat penduduk setempat.

Seorang lagi penduduk yang ditemui, Dagang Mat Sidek turut berkongsi perasaan yang sama dan pengumuman itu telah dinanti sejak sekian lama.

“Alhamdulillah, akhirnya penantian kita sejak sekian lama untuk memiliki daerah sendiri akhirnya tercapai dan ia sememangnya memberi ba-

nyak kelebihan berbanding sebelum diisytiharkan sebagai daerah baharu.

“Justeru, kita berharap agar pembangunan yang akan dilaksanakan di Kuala Nerus ini seimbang dengan daerah lain, meskipun baru diumumkan secara rasmi sebagai daerah,” katanya yang tinggal di Kampung Alor Damat.

Manakala, seorang lagi penduduk yang ditemui, Mohd Zaki Sembok, dari Bukit Tunggul berkata, usaha untuk menjayakan Kuala Nerus sebagai daerah baru telah digerakkan sejak sekian lama dan akhirnya penantian itu berbaloi.